

Dr. Mahathir ucap takziah

SUNGAI PETANI 3 Feb. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengucapkan takziah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atas kematian ibunya, Allahyarham Datuk Kailan Hassan.

"Saya telah menelefon Datuk Abdullah semalam untuk ucapkan takziah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program Kecemerlangan Remaja Dalam Sukan Eksplo di Taman Sungai Kuala Muda, di sini hari ini.

Dr. Mahathir dan isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah kemudian berlepas ke Kepala Batas bagi menziarahi jenazah Allahyarham Kailan di Jalan Perak.